

16 JAN 1996

DR MAHATHIR DAN KEATING MULAKAN PERBINCANGAN

KUALA LUMPUR, 16 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memulakan perbincangan dengan rakan sejawatannya dari Australia, Paul Keating di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Kedua-dua pemimpin dijangka membincangkan pelbagai isu serantau dan antarabangsa kepentingan bersama.

Keating tiba di sini semalam untuk lawatan dua hari bertujuan mengeratkan lagi hubungan dua hala.

Menurut para pegawai, Keating dijangka memberi penerangan kepada Dr Mahathir mengenai perjanjian keselamatan Australia-Indonesia yang ditandatangani di Jakarta baru-baru ini.

Perbincangan juga dijangka menyentuh mengenai tawaran syarikat Australia, Transfield Shipbuilding bagi kontrak bernilai AS\$1.5 bilion (RM3.7 bilion) membina kapal ronda untuk Tentera Laut Diraja Malaysia, kata para pegawai itu.

Dr Mahathir dan Keating kemudian akan menyaksikan upacara menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara sektor swasta kedua-dua negara.

Antaranya ialah mengenai kerjasama pendidikan yang merangkumi latihan teknikal dan vokasional, pertukaran pendidikan dan pengiktirafan serta pengajaran bahasa.

Satu perjanjian bagi membenarkan Sunway College membuka kampus cawangan Universiti Monash di Malaysia juga dijangka dimeterai.-- BERNAMA.